

SIARAN MEDIA

RM10.73 JUTA PERUNTUKAN SEMPENA PROGRAM SENTUHAN KASIH KPKT KEPADA MBI DAN LPHP MANFAAT PENDUDUK TAMBUN, PERAK

TAMBUN, 4 September 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan jumlah peruntukan sebanyak **RM10.73 juta** kepada **Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)** dan **Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP)** bagi menaik taraf, menyelenggara infrastruktur awam dan penggantian lif di sekitar Tambun.

YB KM telah turun padang dalam siri lawatan kerja beliau sempena Program Sentuhan Kasih KPKT pagi ini bagi meninjau keperluan kemudahan awam serta infrastruktur di Pasar Tanjung Rambutan, Kolam Takungan Jalan Putra Pertama, Bandar Baru Tambun, Taman Rekreasi Woodland dan Dewan Komuniti Taman Perpaduan.

YB KM telah mengumumkan peruntukan berjumlah **RM3.25 juta** yang melibatkan projek-projek seperti berikut;

1. Kerja-kerja menggantikan longkang, gutter dan kerja berkaitan di Medan Selera Taman Perpaduan, Ipoh, Perak;
2. Mengganti bumbung dan kerja mengecat serta kerja-kerja berkaitan di Pasar Tanjung Rambutan, Ipoh, Perak;
3. Menggantikan lampu jenis SON kepada LED untuk tiang lampu dalam kawasan gugusan Manjoi, Meru, Chemor, Klebang dan sekitar;
4. Menggantikan lampu jenis SON kepada LED untuk tiang lampu dalam kawasan Tanjung Rambutan dan sekitar;
5. Menggantikan lampu jenis SON kepada LED untuk tiang lampu dalam kawasan Bandar Baru Tambun dan sekitar;
6. Pembangunan landskap persekitaran kehidupan di Taman Rekreasi Woodland Bandar Baru Tambun;

7. Membina laluan air tambahan di Jambatan Jalan Kamaruddin Isa; dan
8. Menggantikan kelubung (culvert) sedia ada di jalan masuk ke FRU, Sungai Senam.

Selain itu, **RM1.7 juta** peruntukan diluluskan untuk projek-projek menurap jalan, naik taraf longkang, dewan orang ramai dan pasar, serta baikpulih pagar di kampung-kampung baru dalam daerah Ulu Kinta seperti Kanthan Baru, Tanah Hitam, Chemor R. A, Changkat Kinding dan Kuala Kuang.

Sehingga Ogos 2023, KPKT telah meluluskan sebanyak 29 projek di bawah peruntukan pembangunan BP.1 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10.16 juta kepada Majlis Bandaraya Ipoh bagi kerja-kerja bina baru dan naik taraf infrastruktur, dan kemudahan awam di kawasan Majlis Bandaraya Ipoh. Jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan BP.1 oleh KPKT kepada PBT-PBT di negeri Perak pula adalah sebanyak RM68 juta.”

Menurut YB KM, “Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPKT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPKT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk Tambun, Perak.”

Sempena Program Sentuhan Kasih KPKT tersebut, YB KM turut mengumumkan berita baik untuk penduduk rumah pangsa di Negeri Perak. KPKT telah meluluskan sebanyak **RM5.78 juta** penambahbaikan serta penyelenggaraan dan penggantian lif yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) dan Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Jurutera KPKT pada tahun ini. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah:

- i) Kerja-kerja mengecat bangunan dan kerja-kerja berkaitan di Pangsapuri Seri Kepayang, Ipoh;
- ii) Kerja-kerja mengganti bumbung baharu dan kerja-kerja berkaitan di Rumah Pangsa Buntong Permai, Ipoh;
- iii) Kerja-kerja baikpulih pagar dan jalan serta kerja-kerja berkaitan di Rumah Pangsa Jalan Pasir Puteh, Ipoh;
- iv) Kerja-kerja membina pagar baharu dan kerja-kerja berkaitan di Pangsapuri Laksamana Amanjaya, Teluk Intan;

- v) Kerja-kerja penggantian lif akan dilaksanakan di Pangsapuri Seri Keayang, Ipoh; dan
- vi) Kerja-kerja menyelenggara lif pula akan dijalankan di Pangsapuri Simpang Perdana, Taiping.

Tambah beliau, “Keseluruhan peruntukan naik taraf kemudahan awam dan infrastruktur ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak; YB Muhamad Arafat Varisai Mahamad, ADUN Hulu Kinta; YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

